

20 SEP 1998

PEMIMPIN UMNO PERLU JELAS DAN MEMAHAMI ISU

SEREMBAN, 20 Sept (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad berkata pemimpin UMNO perlu jelas dan memahami isu berhubung dengan perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata mereka perlu menetapkan perdirian masing-masing sama ada menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan UMNO atau menyokong Anwar.

Isa yang juga Menteri Besar berkata pemimpin UMNO kini banyak memberi pandangan ketika mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan sebaliknya seperti didakwa oleh Anwar.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Guru-guru Lulusan Maktub Perguruan Perempuan Melayu (MWTC) Melaka bahagian Negeri Sembilan di sini hari ini.

Menurut beliau, sokongan kepada Perdana Menteri bertambah kukuh selepas Presiden UMNO itu menjelaskan panjang lebar mengenai isu berkenaan dan rakyat akan lebih faham tentang isu itu apabila ia diselesaikan di mahkamah.

Mengenai Guru, Isa menyarankan setiap guru haruslah bergerak seiring dengan agenda dan wawasan negara dalam abad ke-21 dalam mendidik generasi pelajar lebih cemerlang.

-- BERNAMA

AS FAZ